



PEMAKLUMAN BERITA PALSU

Berikut merupakan **PENAFIAN** tentang beberapa berita yang tular di media sosial:

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) **menafikan** dakwaan menggesa orang ramai agar berhenti memakan atau membeli ayam yang dijual di 12 buah premis perniagaan termasuk restoran makanan segera KFC, Texas Chicken dan Nandos kerana bekalan ayam adalah dari kilang memproses ayam di Pedas, Negeri Sembilan yang ramai pekerjaanya didakwa positif COVID-19.
2. Kementerian Kerja Raya (KKR) **menafikan** pernah melantik individu bernama Abdul Al Haffiz bin Abdul Aziz sebagai Setiausaha Politik dan Pegawai Khas Media kepada Menteri Kanan Kerja Raya. KKR **memaklumkan** individu tersebut didakwa pernah menyamar sebagai wakil KKR untuk menyampaikan sumbangan COVID-19 kepada pihak tertentu dengan menggunakan 'cek tendang'. Orang ramai **dinasihatkan** agar melapor kepada pihak berkuasa dan KKR dengan segera sekiranya didekati oleh individu ini dengan cara yang mencurigakan.

**Pasukan Respons Pantas
KKMM
18 Mei 2020 | 2.00 Petang**

